



FEASIBILITY OF ESTABLISHING MALAYSIAN HALAL CERTIFICATION FOR HOME-BASED BUSINESS (HBB) FOOD & BEVERAGE SCHEME

KEBOLEHLAKSANAAN MEWUJUDKAN PENSIJILAN HALAL MALAYSIA BAGI SKIM PERNIAGAAN PRODUK MAKANAN & MINUMAN BERPUSET DI RUMAH

Sazelin Arif¹

¹ Profesor Madya, Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM); AJK, Akademi Fiqh Islami Malaysia (AFHAM). sazelin@utem.edu.my

Abstract

Home-Based Business (HBB) is one of the entrepreneur groups that play an important role in the production of food & beverage products. Halal certification is very important to penetrate the wider market. However, most of the HBB entrepreneurs operated their businesses without halal certificates and halal logos. Therefore, this article aimed to identify the obstacles that make it difficult for HBB food & beverage entrepreneurs to apply for Malaysian Halal Certification (PHM) and to examine the feasibility of establishing PHM for this group of entrepreneurs' schemes. This study used a qualitative research design where interviews were conducted with 10 HBB entrepreneurs who run food & beverage in the region of Central Melaka District and one (1) halal officer from the Melaka Islamic Religious Department (JAIM) to represent the halal certification authority body. The results found that five (5) obstacles made it difficult for HBB entrepreneurs to obtain PHM namely; capital problems, misunderstanding, stringent procedures, lack of support and guidance as well as misconceptions about obtaining halal certification. The findings also showed that it is difficult to initiate a PHM scheme specifically for food & beverage HBB entrepreneurs. As an alternative, there are four (4) suggestions to facilitate them in obtaining the halal certification. This study is significant because it recommends the mechanism to make it more accessible for the HBB entrepreneurs to apply for halal certification without losing the credibility of the Malaysian halal logo and halal certificate.

Keywords: Home, Based, Business, Halal, Certification.

Abstrak

Perniagaan berpusat di rumah atau Home-Based Business (HBB) merupakan antara kelompok usahawan yang berperanan penting dalam penghasilan produk makanan & minuman. Untuk menembusi pasaran yang lebih luas pensijilan halal adalah amat penting. Namun begitu, sebilangan besar usahawan HBB menjalankan operasi tanpa sijil dan logo halal. Justeru, artikel ini bertujuan untuk mengenal pasti halangan yang

menyukarkan usahawan HBB produk makanan & minuman memohon Pensijilan Halal Malaysia (PHM) dan kebolehlaksanaan mewujudkan PHM bagi skim kelompok usahawan ini. Reka bentuk kajian kualitatif menggunakan temu bual telah dijalankan ke atas 10 orang usahawan HBB sekitar daerah Melaka Tengah dan seorang pegawai halal dari Jabatan Agama Islam Melaka bagi mewakili badan autoriti pensijilan halal. Dapatkan mendapat terdapat lima (5) halangan yang menyukarkan usahawan HBB dalam mendapatkan PHM iaitu masalah modal, ketidakfahaman, prosedur yang ketat, kurang bantuan khidmat nasihat dan persepsi tiada keperluan memohon PHM. Dapatkan juga mendapat bahawa adalah sukar untuk mewujudkan skim PHM khusus bagi usahawan HBB produk makanan & minuman. Namun sebagai alternatif, terdapat empat (4) cadangan bagi membantu mempermudahkan laluan mendapatkan PHM. Dapatkan ini penting kerana ia dapat mencadangkan satu mekanisme untuk membantu proses pensijilan halal bagi usahawan HBB tanpa menghilangkan kredibiliti sijil dan logo halal Malaysia.

Kata kunci: Rumah, Berpusat, Perniagaan, Halal, Pensijilan.

PENDAHULUAN

Malaysia diiktiraf sebagai peneraju utama dalam industri halal global kerana ekosistem perniagaan halal yang teratur dan kualiti pensijilan halalnya. Usaha untuk memperkembangkan lagi industri halal telah menjadi salah satu agenda besar negara. Jika disoroti Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) (2016-2020) iaitu rancangan pembangunan lima (5) tahun negara yang baharu sahaja berakhir pada tahun 2020, industri halal diberikan penekanan dalam menjana pekerjaan berpendapatan tinggi kerana mempunyai rantaian yang kukuh dengan sektor ekonomi lain. Sektor perkhidmatan halal juga ditransformasikan dengan cara meningkatkan bilangan pakar industri halal, penyelidikan halal dan perkhidmatan patuh syariah (RMKe-11, 2015).

RMKe-11 ini selari dengan Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3) (2006-2020) yang juga telah berakhir pada tahun 2020. IMP3 telah memberikan penekanan khusus kepada pembangunan industri halal, perbankan dan logistik halal dengan sasaran menjadikan Malaysia sebagai pusat rujukan integriti halal serta meningkatkan aktiviti pengeluaran dan dagangan makanan halal (MITI, 2006). Bagi mencapai matlamat ini, Malaysia perlu terus menjadi peneraju kepada penetapan piawaian halal global termasuklah proses mengaudit dan pengeluaran sijil halal bagi melindungi integriti halal.

Pembangunan bagi mencapai sasaran Malaysia sebagai peneraju industri halal global dan pusat rujukan integriti halal diteruskan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) di mana industri halal adalah termasuk dalam bidang tumpuan utama dalam pembangunan industri berpotensi tinggi (Astro Awani, 10 Dis 2020). Ia jua sejajar dengan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030 yang diperkenalkan pada tahun 2019 yang telah menetapkan tujuh (7) Teras Strategik di mana Teras Strategik 2 adalah tertumpu kepada Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama atau *Key Economic Growth Activities* (KEGA). Kepentingan pembangunan industri halal dinyatakan dalam salah satu daripada 15 aktiviti KEGA iaitu KEGA 6 penumpuan kepada Hab Halal dan Makanan (Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, 2019).

Jika diteliti dari segi sejarah, usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai peneraju industri halal dan pusat rujukan integriti halal telah lama berlaku. Sejak 1970-an, Malaysia

telah mengorak langkah ke arah menjadi peneraju industri halal global dengan ekosistem halal yang teratur dan mapan serta sistem pensijilan halal yang berkualiti. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) memainkan peranan penting dalam mencapai matlamat Malaysia menerusi pelaksanaan Pensijilan Halal Malaysia (PHM).

Secara asasnya, permohonan PHM terbahagi kepada 7 skim iaitu: (1) produk makanan dan minuman; (2) barang gunaan; (3) premis makanan; (4) rumah sembelih; (5) logistik; (6) farmaseutikal; dan (7) kosmetik dan dandanan diri (JAKIM, 2014). Pemohon yang ingin memohon PHM perlu menggunakan sistem MYeHalal yang diselenggara secara berpusat oleh JAKIM. Laman portal permohonan halal MYeHalal telah diperkenalkan bermula tahun 2014 dengan objektif untuk menyeragamkan mekanisme PHM.

Perniagaan berpusat di rumah atau *Home-Based Business* (HBB) merupakan salah satu jenis perniagaan di bawah kategori perniagaan mikro (European Union, 2019; Stanger, 1998). Di Malaysia, konsep HBB merujuk kepada mereka yang bekerja sendiri dari rumah atau bekerja di bawah organisasi lain tetapi menjalankan operasi perniagaan di rumah (Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM, 2007). Terdapat kajian mendefinisikannya sebagai perniagaan dimiliki oleh individu yang bekerja dari rumahnya atau bangunan lain di tanah miliknya di mana ia mungkin mengambil atau tidak mengambil pekerja (Anwar & Daniel, 2017).

HBB sesuai dikategorikan di bawah perniagaan mikro tetapi ia berbeza dari usahawan mikro lain kerana HBB beroperasi di rumah tanpa melibatkan premis kedai atau kilang dengan jumlah pekerja yang sedikit dan selalunya hanya terdiri daripada ahli keluarga sendiri. Ia juga dilabelkan sebagai perniagaan yang fleksibel kerana sentiasa dekat dengan pelanggan (Anwar & Daniel, 2016). Konsep perniagaan sebegini sesuai untuk mereka yang perlu bekerja atau berada di rumah kerana faktor tanggungjawab tertentu dan pada masa yang sama mampu menggunakan kapakan yang ada bagi mencari pendapatan tambahan.

Kajian terdahulu mendapati bahawa kebanyakan usahawan HBB pada awalnya menjadikan ia perniagaan ini sebagai pekerjaan sambilan dan ianya lebih bersesuaian dengan golongan wanita (Ramli *et al.*, 2013). Ini terbukti terdapat golongan wanita yang komited dalam dalam perniagaan HBB serta berupaya menambah baik taraf hidup mereka (Chen, Chu & Lai, 2018; Zainol, al Mamun, Hassan & Muniady, 2017; Utusan Borneo, 14 April 2016). Selain gender, terdapat juga kajian yang membuktikan HBB banyak dikuasai oleh golongan berlatarbelakangkan pendidikan peringkat menengah sahaja (Ramli *et al.*, 2013).

Perusahaan mikro, kecil dan sederhana termasuk perniagaan berpusat di rumah (HBB) merupakan antara kumpulan majoriti di Malaysia yang berperanan penting dalam penghasilan produk makanan dan gunaan (Merdeka Online, 2018). Dan tidak dinafikan PHM merupakan *commercial tool* untuk mempromosi dan meluaskan pasaran produk mereka. (MAMPU, 2012). Sumbangan yang mereka berikan kepada sosioekonomi negara seharusnya dapat digandakan jika pensijilan halal dapat dipatuhi dan diperolehi. Namun begitu, sebilangan besar usahawan HBB produk makanan & minuman menjalankan operasi tanpa pensijilan halal dan ini boleh menjadi penghalang untuk Malaysia mencapai status negara hab halal dunia (Bernama, 2018; Buang & Mahmod, 2012).

Pelbagai masalah dan halangan yang menyukarkan usahawan HBB memohon PHM sehingga terdapat gesaan dari pihak tertentu agar JAKIM memberikan kelonggaran dan mempermudahkan proses PHM bagi kelompok usahawan kecil termasuk HBB ini (Sinar Harian, 23 Dis 2014; Astro Awani, 1 September 2016).

Terdapat banyak kajian lepas yang telah dijalankan berkaitan PHM, antaranya Abu Bakar *et al.* (2017), Othman, Shaarani & Bahron (2016), Ab Talib, Md. Sawari, Abdul Hamid

& Ai Chin (2016); Ab Talib, Abdul Hamid & Ai Chin (2015), tetapi tidak ada yang membincangkan secara menyeluruh dan mendalam mengenai pelaksanaan PHM di kalangan usahawan HBB. Oleh kerana peranan HBB khususnya dalam pertumbuhan ekonomi makanan halal adalah signifikan, kajian ini diharapkan dapat mengengahkan dapatan yang dapat membantu merealisasikan hasrat mendapatkan PHM bagi produk mereka.

Justeru, artikel ini akan membincangkan tentang halangan yang menyukarkan usahawan HBB produk makanan & minuman memohon PHM dan kebolehlaksanaan mewujudkan PHM bagi skim kelompok usahawan HBB ini. Dapatan kajian diharapkan dapat menyumbang kepada penambahan ilmu baharu berkaitan penyelidikan PHM dan dapat digunakan sebagai rujukan kepada pembuat dasar di Malaysia dan usahawan HBB dalam merancang perniagaan mereka.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah untuk mengenal pasti halangan yang menyukarkan usahawan HBB dalam memohon PHM bagi produk keluaran makanan & minuman mereka serta mengkaji kebolehlaksanaan bagi mewujudkan PHM bagi skim usahawan HBB. Bagi menjawab objektif ini, pengkaji menggunakan reka bentuk kajian kualitatif yang biasanya menggunakan persoalan seperti, bagaimana, apa dan mengapa. Kajian kualitatif melibatkan penakulan induktif bagi memahami situasi tertentu termasuk sejarah dan pengalaman individu (Trochim, 2006; Maxwell, 2012).

Ia bersesuaian dengan kajian ini yang ingin memahami faktor dan masalah yang dihadapi oleh usahawan HBB. Penglibatan secara langsung antara pengkaji dengan responden menerusi kajian kualitatif dipercayai dapat memberi penemuan dan gambaran yang tepat berbanding reka bentuk lain. Selain itu, penyelidikan kualitatif mementingkan interaksi bersemuka dan biasanya dilaksanakan menerusi temu bual.

Kaedah temu bual telah digunakan bagi mengumpul data. Kaedah temu bual merupakan satu interaksi sosial antara pengkaji dengan informennya dengan tujuan untuk mendapatkan maklumat atau jawapan tertentu terhadap soalan yang telah dirangka terlebih dahulu (Collector & Module, 2011).

Teknik temu bual yang berstruktur dipilih bagi membolehkan informen yang ditemu bual lebih menjurus kepada memberikan input dan data-data yang diperlukan. Kaedah temu bual telah dijalankan ke atas 2 kumpulan iaitu: (1) usahawan HBB, dan (2) badan berautoriti dalam pengurusan pensijilan halal. Pembinaan item soalan temu bual dibuat berdasarkan rujukan kepada kajian terdahulu berkaitan halangan yang dihadapi oleh pengusaha PKS serta isu-isu dalam pemohonan pensijilan makanan halal dan disesuaikan dalam konteks usahawan HBB (Kalyanakumar, 2020; Khoirul Anwar, Fahrullah & Ridlwan, 2018; Abu Bakar *et al.*, 2017; Yusuf, Abdul Shukor & Ahmad Bustamam, 2016). Selain itu, dokumen rujukan JAKIM iaitu Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (MPPHM, 2014) dan Standard Makanan Halal MS 1500:2009 (Department of Standards Malaysia, 2009 juga telah dirujuk dalam pembinaan item soalan temu bual.

Populasi kajian bagi kelompok pertama ialah usahawan HBB yang mengusahakan produk makanan & minuman di daerah Melaka Tengah. Kajian ini menggunakan teknik persampelan ketidakbarangkalian (*nonprobability sampling*). Kaedah persampelan yang digunakan dalam kajian ini adalah teknik *snowball*. Teknik ini sesuai digunakan apabila responden sukar untuk dikenal pasti, sukar untuk dihubungi dan kedudukan di mana

mereka berada hanya boleh diperoleh menerusi jaringan rujukan (Cooper & Schindler, 2000).

Teknik ini dipilih kerana tiada maklumat direktori yang lengkap mengenai usahawan HBB yang dapat diperolehi daripada mana-mana agensi. Direktori yang disediakan oleh agensi kerajaan negeri adalah lebih tertumpu kepada usahawan kecil, sederhana dan besar. Melalui teknik ini, maklumat daripada orang yang telah ditemu bual diperlukan untuk memberi cadangan informasi lain yang sesuai untuk ditemu bual. Proses ini berterusan sehingga pengkaji telah memperoleh dapatan yang mencukupi dan *accurate* untuk membuat kesimpulan penelitian dapatan kajian. Kesemua responden perlu menepati kriteria yang telah ditetapkan terlebih dahulu iaitu:

- i. Pengusaha yang beroperasi di rumah (HBB).
- ii. Pengusaha makanan atau minuman sahaja.
- iii. Pengusaha makanan atau minuman HBB sekitar daerah Melaka Tengah.

33 responden telah dihubungi secara rawak namun hanya 10 orang responden telah berjaya ditemu bual secara bersemuka dan melalui panggilan telefon dalam tempoh masa 8 minggu pengumpulan data. 22 responden telah menolak untuk ditemu bual manakala seorang responden telah ditarik datanya kerana tidak memenuhi maklumat yang dikehendaki. Setiap sesi temu bual telah dirakam dan mengambil masa 25 hingga 55 minit. Namun, pada responden ke-9, corak data telah tidak berkembang dan berlaku pertindihan maklumat. Pengumpulan data telah dihentikan pada responden ke-10 kerana tiada lagi maklumat baharu yang dicapai dan telah mencapai tahap tewu (*saturation stage*).

Ini bersesuaian sebagaimana dinyatakan dalam kajian Gentles, Charles, Ploeg & McKibbon (2015) di mana *saturation stage* berlaku apabila maklumat tambahan tidak lagi menyumbang kepada data baharu dalam sesuatu kajian. Tambahan lagi, Patton (1990) dan Salganik & Douglas (2007) menyatakan jumlah ukuran sampel kajian besar bagi penyelidikan kualitatif ialah >30 manakala sampel kajian sederhana adalah 10-30 orang. Connaway & Powell (2010) menambah, apa yang kritisial adalah kedalaman, kompleksiti dan kekayaan data. Justeru, sampel kajian ini mencukupi untuk dikategorikan sebagai sampel sederhana bagi menjawab persoalan kajian secara mendalam dan terperinci.

Bagi kategori badan berautoriti dalam PHM, temu bual ke atas pegawai Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) telah dijalankan. Ia adalah bagi mendapatkan maklumat yang jelas tentang skim PHM secara menyeluruh, proses permohonan dan kebolehlaksanaan mewujudkan PHM bagi skim usahawan HBB. Data kemudiannya telah dianalisis melalui proses menguruskan data dan mensintesiskan data, mengkaji hasil dapatan kajian serta menginterpretasikan hasil dapatan kajian (Bogdan & Biklen, 1982).

Proses transkripsi atau menyalin data-data dalam bentuk rakaman audio yang mengandungi temu bual antara penyelidik dan responden, rakaman video serta catatan kerja lapangan telah dilakukan. Ia dianalisis berdasarkan 3 urutan aktiviti, iaitu penyaringan data (*data reduction*), persembahan data (*data display*) dan penulisan kesimpulan/verifikasi (*conclusion drawing*) (Miles & Huberman, 1994). Data yang telah ditranskripsi disusun dan corak jawapan dikelompok mengikut tema yang terhasil daripada sorotan kajian lepas serta ciri-ciri fenomena yang dikaji.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian dibahagikan kepada beberapa bahagian. Sebelum membentangkan dapatan berkaitan kebolehlaksanaan mewujudkan PHM bagi skim usahawan HBB, latar belakang

responden (kelompok usahawan HBB) dan halangan yang menyukarkan permohonan PHM akan dijelaskan terlebih dahulu.

Latar Belakang Responden

Berdasarkan Jadual 1 di bawah, seramai 10 orang responden terdiri daripada tiga (3) lelaki dan tujuh (7) perempuan telah berjaya ditemui bual dan daripada 10 orang responden, hanya dua (2) orang sahaja yang mengusahakan perniagaan minuman manakala selainnya adalah bermiaga makanan. Seramai dua (2) orang responden telah berkecimpung dalam perniagaan HBB lebih daripada 5 tahun manakala responden lain dikategorikan masih baharu dalam perniagaan HBB (1-5 tahun).

Hanya seorang responden yang tidak menerima pendidikan sekolah menengah ke atas serta tidak mempunyai pekerjaan lain selain daripada bermiaga minuman secara HBB. Manakala sembilan (9) responden lain mempunyai asas pendidikan yang baik sekurang-kurangnya mempunyai sijil SPM dengan dua (2) orang daripadanya berlatar belakangkan Ijazah Sarjana Muda. Apabila disoal tentang pemilikan sijil halal, kesemua responden tidak mempunyai sijil dan logo halal bagi produk keluaran mereka.


Jadual 1 Latar Belakang Responden

Bil	Responden	Produk	Tempoh Berniaga	Pendidikan	Bekerja	Sijil Halal
1	Responden A	Makanan (mee kuning)	1-5 tahun	SPM/STPM	Ya	Tiada
2	Responden B	Makanan (kek)	6-10 tahun	Sarjana Muda	Ya	Tiada
3	Responden C	Makanan (kuih frozen)	1-5 tahun	Diploma	Ya	Tiada
4	Responden D	Makanan (roti)	1-5 tahun	SPM/STPM	Ya	Tiada
5	Responden E	Minuman (air kelapa laut)	1-5 tahun	SPM/STPM	Ya	Tiada
6	Responden F	Makanan (tortilla ayam)	1-5 tahun	Sarjana Muda	Ya	Tiada
7	Responden G	Makanan (kuih frozen)	6-10 tahun	SPM/STPM	Ya	Tiada
8	Responden H	Makanan (kerepek)	1-5 tahun	SPM/STPM	Ya	Tiada
9	Responden I	Minuman (air soya)	1-5 tahun	Sekolah rendah	Tidak	Tiada
10	Responden J	Makanan (bahulu)	1-5 tahun	Diploma	Ya	Tiada

Halangan Dihadapi Usahawan HBB Dalam Memperoleh Pensijilan Halal Malaysia

Responden telah disoal berkaitan permasalahan dan halangan yang menyukarkan mereka dalam mendapatkan PHM. Jawapan yang diberikan oleh responden telah ditranskripsi dan corak jawapan disusun serta dikelompok mengikut tema yang dikeluarkan daripada sorotan kajian lepas serta ciri-ciri fenomena yang dikaji. Daripada keseluruhan jawapan, rata-ratanya

menyatakan terdapat halangan tertentu yang membawa kepada cabaran dan kesukaran untuk memperoleh PHM. Ia dapat dikelompokkan seperti di Rajah 1:



Rajah 1 Halangan Usahawan HBB Dalam Memperoleh Pensijilan Halal Malaysia (PHM)

Berdasarkan temu bual yang telah dijalankan, terdapat lima (5) halangan yang dihadapi oleh responden dalam mendapatkan pensijilan halal bagi produk keluaran mereka. Lima (5) halangan tersebut ialah: (1) Masalah modal; (2) Ketidakfahaman; (3) Prosedur yang ketat; (4) Kurang bantuan khidmat nasihat; dan (5) Persepsi tiada keperluan memohon halal. Perincian jawapan adalah seperti di Jadual 2 di bawah:

Jadual 2 Halangan Dalam Memperoleh Pensijilan Halal Malaysia (PHM)

Bil	Halangan	Perincian Dapatan	Responden	Perlu Sijil Halal
1	Masalah Modal	<ul style="list-style-type: none"> • Perlu mengeluarkan modal untuk dapatkan sijil halal. • Perlu bayar yuran jika lulus permohonan. • Modal tidak seberapa kerana bermiaga kecil-kecilan. • Tidak mampu mematuhi standard halal JAKIM. • Sedia ada bermasalah dalam modal bermiaga. • Terpaksa bayar banyak untuk dapatkan sijil halal. 	<ul style="list-style-type: none"> • Responden B • Responden B • Responden H • Responden H • Responden I • Responden D 	<ul style="list-style-type: none"> • Perlu • Perlu • Perlu • Perlu • Tidak perlu • Tidak perlu

2	Ketidakfahaman	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak pasti prosedur untuk memohon senang atau susah sebab tidak pernah rujuk JAIM. • Untuk jangka masa panjang perlu tetapi tidak faham bagaimana nak memohon. 	<ul style="list-style-type: none"> • Responden E • Responden H 	<ul style="list-style-type: none"> • Perlu • Perlu
3	Prosedur yang ketat	<ul style="list-style-type: none"> • Banyak prosedur perlu diikuti sedangkan bermiaga kecil. • Banyak perkara yang perlu dipatuhi. • Jika ingin mendapatkan halal, perlu patuhi banyak perkara. 	<ul style="list-style-type: none"> • Responden A • Responden B • Responden G 	<ul style="list-style-type: none"> • Belum bersedia • Perlu • Perlu
4	Kurang bantuan khidmat nasihat	<ul style="list-style-type: none"> • Ingin memohon halal tetapi tiada siapa yang membantu. • Di mana perlu dapatkan bantuan, di JAKIM? • Mempunyai pelanggan tetap dan perlukan bantuan nasihat. • Untuk pasaran besar perlu tetapi perlu ada bantuan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Responden E • Responden H • Responden G • Responden J 	<ul style="list-style-type: none"> • Perlu • Perlu • Perlu • Perlu
5	Persepsi tiada keperluan memohon halal	<ul style="list-style-type: none"> • Telah ada pelanggan tetap dan tidak perlukan pensijilan halal. • Gunakan bahan-bahan halal dan tidak perlukan sijil halal. • Tiada pelanggan yang bertanya tentang sijil halal. • Semua bahan digunakan pasti halal dan bersih. • Tahu tentang sijil halal tetapi pasaran sedia ada adalah kecil. • Telah lama bermiaga tanpa sijil halal. 	<ul style="list-style-type: none"> • Responden C • Responden D • Responden E • Responden F • Responden F • Responden I 	<ul style="list-style-type: none"> • Belum bersedia • Tidak perlu • Perlu • Tidak perlu • Tidak perlu • Tidak perlu

Masalah Modal

Berdasarkan Jadual 2 di atas, rata-rata responden menyatakan mereka tidak mendaftarkan pensijilan halal bagi produk mereka kerana masalah modal. Sebahagian mereka mengakui perlunya halal tetapi menyatakan banyak modal yang mereka perlu keluarkan untuk mematuhi keperluan dan prosedur pensijilan halal. Mereka juga keberatan untuk membayar yuran pensijilan halal yang ditetapkan kerana faktor kewangan. Menurut standard makanan halal (Department of Standards Malaysia, 2009) dan manual prosedur (JAKIM, 2014), usahawan yang ingin memohon halal perlu mematuhi garis panduan yang ditetapkan.

Antaranya, usahawan perlu mempunyai bengkel atau premis pemprosesan makanan & minuman yang bersesuaian mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Ini memberikan satu halangan kewangan yang besar kepada usahawan HBB. Tambahan pula, mereka adalah golongan usahawan mikro yang berniaga dengan pasaran yang kecil. Terdapat juga responden yang menolak untuk mendaftar PHM kerana faktor kewangan yang telah sedia bermasalah. Ramai yang banyak bergantung dengan modal sendiri serta kesukaran untuk mendapatkan pinjaman bank (Man & Harun, 2016; Yusuf et al., 2016; Kazimoto, 2014). Ini menyukarkan usahawan HBB mematuhi keperluan PHM.

Ketidakfahaman

Merujuk kepada Jadual 2, responden mengakui tentang keperluan pensijilan halal bagi produk keluaran mereka tetapi mereka tidak faham bagaimana proses mendapatkan sijil tersebut. Antara alasan yang diberikan adalah mereka tidak pernah merujuk kepada badan autoriti yang sepatutnya.

Ada juga yang memberikan alasan tidak faham prosedur untuk mendapatkannya. Ini diakui dalam penulisan yang dibuat bahawa antara sebab lain permohonan halal menyukarkan adalah kerana faktor pengusaha tidak mempunyai pengetahuan dan kesedaran terhadap kepentingan pensijilan halal Malaysia (Soraji, Awang & Mohd Yusoff, 2017; Bernama, 2018).

Prosedur yang Ketat

Prosedur pensijilan halal yang ketat dianggap sebagai satu salah satu halangan yang menghalang usahawan HBB memohon PHM. Tidak dinafikan untuk memohon pensijilan halal, pengusaha perlu mematuhi prosedur dan keperluan halal yang ditetapkan dalam standard dan manual prosedur halal JAKIM.

Kerana itu, beberapa orang responden di Jadual 2 mengakui kepentingan halal tetapi keberatan untuk memohon kerana prosedur yang perlu dipatuhi. Ini selari dengan kajian terdahulu bahawa terdapat aduan daripada pengusaha bahawa proses permohonan sijil halal rumit, membebankan dan mengambil masa terlalu lama (Md Sawari et al., 2015; Noordin et al., 2014; Sinar Harian, 28 April 2014).

Kurang Bantuan Khidmat Nasihat

Faktor bantuan khidmat nasihat amat penting dalam membantu pengusaha memahami proses mendapatkan pensijilan halal. Jika ia tidak dilaksanakan, ia akan menyumbang kepada kesukaran yang akhirnya akan melunturkan semangat pengusaha mengemukakan permohonan pensijilan halal. Antara sebab kebanyakan pengusaha tidak mempunyai pengetahuan tentang pensijilan halal adalah kerana kurangnya bantuan dalam bentuk khidmat nasihat dari mana-mana agensi pembimbing (Muhammad, Abu Bakar, & Ahmad, 2019; Bernama, 2018).

Ini terbukti apabila dapatan di Jadual 2 menunjukkan empat (4) orang responden mengakui keperluan mendaftarkan PHM tetapi tiada bantuan nasihat dan tunjuk ajar bagi memohon sijil halal terutamanya apabila mereka ingin memasarkan produk mereka kepada pasaran yang lebih luas.

Persepi Tiada Keperluan Memohon Halal

Majoriti pengusaha bumiputera kecil Muslim menganggap setiap produk yang dihasilkan mereka pastinya halal (Bernama, 2018). Tidak dinafikan kebanyakan pengusaha Muslim

faham tentang halal tetapi adalah lebih baik jika setiap proses pembuatan dan bahan yang digunakan disahkan halal untuk menjamin aspek halal dan *tayyib* (bersih, selamat dan berkualiti). Dengan adanya sijil halal, produk makanan dan minuman dapat dipasarkan ke pasaran yang lebih meluas. Persepsi inilah yang sering menghalang berlakunya proses permohonan (Soraji et al., 2017).

Ini terbukti apabila beberapa responden menolak untuk mendapatkan pensijilan halal kerana mereka yakin menggunakan bahan-bahan yang halal dan proses pembuatan yang bersih. Malah tanpa sijil halal ia tidak menimbulkan kesukaran kerana mereka telah mempunyai ramai pelanggan tetap yang percayaan produk mereka, ditambah dengan faktor tiada sesiapa yang pernah mempersoalkan aspek halal produk makanan atau minuman mereka.

KEBOLEHLAKSANAAN MEWUJUDKAN PENSIJILAN HALAL MALAYSIA SKIM PERNIAGAAN PRODUK MAKANAN & MINUMAN BERPUSAT DI RUMAH

Berdasarkan dapatan daripada lima (5) halangan yang dihadapi oleh responden dalam memperoleh PHM, ianya boleh dibahagikan kepada dua(2) jenis kategori. Kategori pertama adalah merupakan halangan dalaman yang berpusat kepada diri pengusaha dan kategori kedua adalah halangan luaran yang berpusat kepada badan pengeluar pensijilan halal. Secara umumnya, kesemua lima (5) halangan ini mempengaruhi proses mendapatkan PHM.

Namun, tiga (3) halangan iaitu kekurangan modal, kegagalan untuk memahami prosedur dan kesalahfahaman mengenai pensijilan halal adalah dikategorikan sebagai halangan dalaman, manakala dua (2) lagi halangan iaitu prosedur yang ketat serta kekurangan bimbingan dan sokongan dikategorikan sebagai halangan luaran.

Bagi mengenal pasti kebolehlaksanaan PHM diwujudkan khusus bagi skim perniagaan produk makanan & minuman berpusat di rumah (HBB), temu bual telah dijalankan dengan seorang pegawai Bahagian Pengurusan Halal JAIM. Bahagian Pengurusan Halal JAIM bertanggungjawab menguruskan permohonan PHM bagi seluruh negeri Melaka menerusi sistem MYeHalal serta menggunakan pakai standard dan manual prosedur yang sama sebagaimana JAKIM.

Dapatan temu bual mendapati adalah sukar untuk mewujudkan skim khusus bagi skim perniagaan produk makanan & minuman berpusat di rumah (HBB) atau untuk memberikan proses laluan yang lebih mudah berbanding skim lain. Ini kerana sijil dan logo halal Malaysia adalah satu tanda dagangan (*trade mark*) yang sangat penting untuk dipelihara dan dijaga kredibiliti dan nilai integritinya. Ia juga bagi mengelakkan wujudnya prosedur 'pilih kasih' (*double standard*). Jika sijil dan logo halal diberikan dengan mudah, ia dikhuatiri akan menghilangkan kepercayaan masyarakat Muslim terhadap tanda dagangan (*trade mark*) logo halal.

Proses pensijilan halal oleh JAKIM dan semua Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) termasuk JAIM adalah secara asasnya menggunakan pakai dan merujuk manual prosedur dan standard yang sama. Kebanyakan syarat dan keperluan yang perlu dipatuhi adalah sama sebagaimana skim/kategori industri lain. Tambahan pula, proses permohonan PHM bukan hanya melibatkan pihak JAKIM atau JAIN sahaja, tetapi juga melibatkan badan-badan lain seperti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Namun begitu, beberapa cadangan telah diusulkan bagi membantu dan memberi alternatif kepada usahawan HBB mendapatkan PHM iaitu:

Mendapatkan Lesen Perniagaan/Bimbingan Daripada Agensi Berautoriti

Syarat utama dalam permohonan pensijilan halal seperti di MPPHM adalah pemohon mesti mempunyai lesen perniagaan dari PBT. Tidak dinafikan, kebanyakan perniagaan yang dijalankan di rumah adalah perniagaan mikro yang dijalankan dengan menggunakan modal pusingan yang rendah. Pasaran perniagaan produk juga adalah kecil dan hanya melibatkan kawasan setempat. Ini menyebabkan kurang keperluan bagi mereka untuk mendaftarkan perniagaan mereka dengan PBT.

Sebagai cadangan untuk mengurangkan bebanan usahawan HBB, pengusaha digalakkan untuk mendapatkan lesen perniagaan atau sijil bimbingan dari agensi seperti FAMA, MARDI dan lain-lain sebelum memohon sijil halal.

“Sepertimana disebutkan, syarat pertama dalam permohonan pensijilan halal seperti di manual adalah pemohon mesti mempunyai lesen perniagaan dari PBT atau jika tiada lesen, pengusaha Bumiputera boleh dapatkan surat daripada agensi bimbingan seperti FAMA, Mardi dan lain-lain” (Pegawai JAIM).

Perkara asas yang sering menjadi isu besar bagi usahawan HBB ialah keperluan mempunyai premis berasingan dari rumah untuk operasi perniagaan. Ini merupakan syarat utama untuk mendapatkan lesen perniagaan. Bagi pengusaha HBB yang tidak mampu menyediakan premis berasingan, mereka boleh mendapatkan surat daripada agensi bimbingan seperti MARDI dan FAMA. Namun begitu, ia tertakluk juga kepada bahan kritikal yang digunakan oleh pengusaha. Ini bagi membantu mereka yang tiada premis atau kedai untuk beroperasi. Apa yang penting adalah operasi perniagaan mereka bukan dalam rumah yang mereka diami untuk mengelakkan pencemaran silang terjadi dan bagi menjaga kebersihan.

Pensijilan Halal Dengan Bernaung di Bawah Agensi Payung

Tidak dinafikan, halangan utama bagi kebanyakan usahawan HBB adalah tidak mempunyai modal mencukupi untuk menyewa atau membina premis berasingan bagi menjalankan perniagaan mereka. Terdapat alternatif lain yang dicadangkan oleh pihak JAIM iaitu dengan bernaung di bawah Agensi Payung. Agensi Payung adalah di mana sebuah agensi akan mengumpulkan pengusaha kecil Bumiputera dan permohonan halal akan dibuat terus oleh agensi ini kepada JAKIM.

“Pengusaha HBB boleh duduk di bawah Agensi Payung contohnya apa yang telah dibuat oleh University College Agroscience Melaka (UCAM)” (Pegawai JAIM).

Namun begitu, bernaung di bawah Agensi Payung juga mempunyai isu tersendiri kerana kebanyakan syarikat yang telah mendapat sijil halal pada pertama kalinya di bawah program ini gagal untuk memperbaharui sijil mereka. Antara sebab utama adalah kerana mereka gagal mematuhi pelbagai prosedur keperluan pensijilan halal.

Pensijilan Halal Menerusi Skim Pengilangan Kontrak

Bagi membantu pengusaha HBB, terdapat pilihan lain yang boleh membantu mereka mendapatkan pensijilan halal iaitu menerusi Skim Pengilangan Kontrak atau lebih dikenali sebagai *Original Equipment Manufacturer* (OEM).

“Syarikat yang menjalankan khidmat pengilangan kepada syarikat lain boleh memohon sijil halal di bawah skim OEM bagi perkhidmatan yang disediakan” (Pegawai JAIM).

Skim ini ada syarat yang perlu dipatuhi. Syarikat atau pengilang yang menjalankan khidmat pengilangan kepada syarikat lain boleh memohon PHM di bawah skim OEM bagi perkhidmatan yang disediakan. Manakala pengusaha HBB yang ada produk tetapi tidak mempunyai sijil halal (*brand owner*) boleh menggunakan sijil dan logo halal pengilang tersebut. Pada bahagian pembungkusan, akan ditulis dikilangkan oleh syarikat yang ada sijil halal. Namun begitu, pada masa yang sama pengusaha HBB tetap digalakkan untuk memohon sijil halal bagi produk mereka sendiri.

Mendapatkan Bimbingan Terus Daripada JAKIM dan JAIN

JAKIM dan JAIN adalah sangat terbuka dalam membimbing dan membantu pengusaha yang ingin memohon PHM. Pengusaha hanya perlu hadir ke pejabat JAKIM atau JAIN kerana JAKIM atau JAIN tidak mempunyai maklumat dan data usahawan HBB. Mereka boleh hadir pada bila-bila masa ke pejabat di mana komputer juga disediakan untuk membantu mereka terus memohon PHM. Pemohon hanya perlu sediakan dokumen berkaitan bahan mentah, lesen dan lain-lain terlebih dahulu dan JAKIM dan JAIN akan membantu membuat permohonan secara atas talian.

Usahawan juga tidak digalakkan untuk menggunakan konsultan kerana dikenakan bayaran yang mahal. Mereka digalakkan untuk hadir ke pejabat dan pegawai JAKIM dan JAIN akan membantu. Tidak dinafikan pada peringkat permulaan, prosesnya agak rumit. Namun, ia boleh diselesaikan dengan bantuan daripada pihak JAKIM dan JAIN.

“Peringkat permulaan memang agak sukar kerana banyak dokumen perlu disediakan. Tetapi sekali sudah mohon, semua data telah disimpan dalam sistem. Dan peringkat seterusnya adalah mudah” (Pegawai JAIM).

PENUTUP

Sijil dan logo halal bukan sahaja penting kepada pengusaha sebagai tiket untuk menembusi pasaran yang lebih luas, malah ia menjadi satu tanda dagang yang memberi keyakinan kepada pengguna. Dalam memastikan ekonomi makanan halal terus lestari, usahawan produk makanan & minuman HBB juga perlu berusaha untuk mendapatkan PHM. Kajian menunjukkan terdapat lima (5) halangan yang dihadapi oleh kebanyakan usahawan HBB yang menyumbang kepada kesukaran untuk mendapatkan pensijilan halal. Terdapat halangan yang perlu ditambah baik oleh individu usahawan antaranya kegagalan untuk memahami prosedur dan persepsi yang salah berkaitan PHM.

Dapatan kajian ini juga penting untuk dipanjangkan kepada badan berautoriti dalam PHM iaitu JAKIM dan JAIN agar dapat diperhalusi dengan baik terutama yang melibatkan peranan dan tanggungjawab badan pensijilan halal berkaitan bantuan khidmat nasihat yang perlu disediakan. Kajian juga mendapati bahawa adalah sukar untuk mewujudkan skim PHM khusus bagi usahawan HBB produk makanan & minuman, namun sebagai alternatif terdapat empat (4) cadangan bagi membantu mempermudahkan laluan mendapatkan PHM. Cadangan ini boleh dijadikan panduan kepada usahawan HBB dalam mereka mendapatkan pensijilan halal dan bersama bersaing dalam dunia perniagaan global tanpa menghilangkan kredibiliti pensijilan halal Malaysia.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Institut Pengurusan Teknologi dan Kemanusiaan (IPTK) dan kumpulan penyelidikan

SiComm atas tajaan penyelidikan di bawah skim Geran Penyelidikan Jangka Pendek UTeM PJP/2019/PBPI(2D)/S01689.

RUJUKAN

- Ab Talib, M. S., Abdul Hamid, A. B., & Ai Chin, T. 2015. Motivations and limitations in implementing Halal food certification: a Pareto analysis. *British Food Journal*, 117(11), 2664–2705. <https://doi.org/10.1108/BFJ-02-2015-0055>.
- Ab Talib, M. S., Md. Sawari, S. S., Abdul Hamid, A. B., & Ai Chin, T. 2016. Emerging Halal Food Market : An Institutional Theory of Halal Certificate Implementation. *Management Research Review British Food Journal*, 39(9), 987-997. <https://doi.org/http://dx.doi.org/10.1108/MRR-06-2015-0147>.
- Abu Bakar, A., Jafri Saad, R., & Basarud-din, S. K. 2017. Assessing challenges of implementation halal food certificate among Bumiputera Small and Medium Enterprises. *Journal of Humanities, Language, Culture and Business*, 1(2), 34–39.
- Abu Bakar, A., Jafri Saad, R., & Basarud-din, S. K. 2017. Assessing challenges of implementation halal food certificate among Bumiputera Small and Medium Enterprises. *Journal of Humanities, Language, Culture and Business*, 1(2), 34–39.
- Anwar, M. N., & Daniel, E. M. 2016. Entrepreneurial marketing in online businesses: The case of ethnic minority entrepreneurs in the UK. *Qualitative Market Research* 19(3), 310–338. <https://doi.org/10.1108/QMR-04-2015-0029>.
- Anwar, M. N., & Daniel, E. M. 2017. The role of entrepreneur-venture fit in online home-based entrepreneurship: A systematic literature review. *Journal of Enterprising Culture* 24(04), 1-51. <https://doi.org/10.1142/S0218495816500151>.
- Astro Awani. 1 September 2016. JAKIM perlu permudah kelulusan sijil Halal untuk pengusaha Islam – Ismail Sabri". <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jakim-perlu-permudah-kelulusan-sijil-halal-untuk-pengusaha-islam-ismail-sabri-115645> (Diakses pada 25 Mei 2021).
- Astro Awani. 10 Dis 2020. RMK12: Kerajaan komited jana semula ekonomi negara. <https://www.astroawani.com/berita-bisnes/rmk12-kerajaan-komited-jana-semula-ekonomi-negara-272587> (Diakses pada 25 Mei 2021).
- Bernama. 2018. Malay entrepreneurs lack awareness on importance of halal certification. http://www.bernama.com/bernama/state_news/news.php?id=1243311&cat=nt (Diakses pada 21 Mei 2021).
- Bogdan, R. C., & Biklen, S. K. 1982. *Qualitative research for education: an introduction to theory and methods*. Boston: Allyn and Bacon, Inc.
- Buang, A. H. & Mahmod, Z. 2012. Isu dan cabaran badan pensijilan Halal di Malaysia, *Jurnal Syariah* 20(3), 272-288.
- Chen, K. J., Chu, A. C. & Lai, C. C. 2018. Home production and small open economy business cycles. *Journal of Economic Dynamics and Control*. 95, 110-135. <https://doi.org/10.1016/j.jedc.2018.08.001>.
- Collector, D. & Module, F. G. 2011. Qualitative research methods overview. *Qualitative research methods a data collectors field guide*, 2005 (January), 1–12. <https://doi.org/10.2307/3172595>.
- Connaway, L. S. & Powell, R. R. 2010. *Basic research methods for librarians* (5th. ed). Santa Barbara, CA: Libraries Unlimited
- Cooper, D. R., & Schindler, P. S. 2000. *Business research method* (7th. ed). New York: McGraw Hill.

- Department of Standards Malaysia. 2009. *MS 1500: 2009 Halal food - production, preparing, handling & storage-General guidelines (Second Revision)*. <http://www.jsm.gov.my/ms-1500-2009-halal-food#.YCeZMY8zbDc>.
- Europen Union. 2019. *Eur-Lex: access to European Union Law. Micro-, small- and medium-sized enterprises: definition and scope.* <http://eur-lex.europa.eu/legalcontent/EN/TXT/?uri=URISERV%3An26026> (Diakses pada 21 Mei 2021).
- Gentles, S. J., Charles, C., Ploeg, J., & McKibbon, K. A. 2015. Sampling in qualitative research: Insights from an overview of the methods literature. *The Qualitative Report*, 20, 1772-1789. <http://nsuworks.nova.edu>.
- JAKIM. 2014. *Manual Procedure for Malaysia Halal Certification (Third Revision) 2014.* <http://www.halal.gov.my/v4/images/pdf/MPPHM2014BI.pdf>.
- Kalyanakumar, J. 2020. Issues and challenges of home based women entrepreneurs in Salem, Tamilnadu. *International Journal of Scientific & Technology Research*, 9(02), 2–5.
- Kazimoto, P. 2014. Assessment of challenges facing small and medium enterprises towards international marketing standards : A case study of Arusha Region Tanzania. *International Journal of Academic Research in Accounting, Finance and Management Sciences*, 4(2), 303–311. <https://doi.org/10.6007/IJARAFMS/v4-i2/893>
- Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. 2019. *Ringkasan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030.* <https://www.pmo.gov.my/wp-content/uploads/2019/10/WKB2030-ringkasan-bm.pdf>.
- Khoirul Anwar, M., Fahrullah, A., & Ridlwan, A. A. 2018. The problems of halal certification for food industry in Indonesia. *International Journal of Civil Engineering and Technology (IJCET)*, 9(8), 1625-1632.
- KPWKM. 2007. *Buku Panduan Pejabat@Rumah*. Kuala Lumpur: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.
- MAMPU, *Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit*. 2012. *Inisiatif dan Impak Pelaksanaan Fokus Group Pengurusan Pensijilan Halal*. Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri.
- Man, S. & Harun, M. S. 2016. Pensijilan halal dalam kalangan usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di Semenanjung Malaysia: Isu dan permasalahan. Dlm. Luqman Hj Abdullah, Rushdi Ramli & Nor Fahimah Mohd Razif (Eds.), *Maqasid Al-Shari'ah: Aplikasi Dalam Aspek Muamalat dan Kehartaan* (199-214). Kuala Lumpur: JFU APIUM.
- Maxwell, J. A. 2012. The importance of qualitative research for causal explanation in education, *Qualitative Inquiry*, 18(8) 655–661. <https://doi.org/10.1177/1077800412452856>.
- Merdeka Online. 2018. PKS menjana ekonomi negara. <http://merdeka-online.com/home/pks-menjana-ekonomi-negara/> (Diakses pada 25 Mei 2021).
- Miles, M.B. & Huberman, A.M. 1994. *Qualitative Data Analysis: An Expanded Sourcebook* (2nd. Ed). London: Sage
- MITI. 2006. *Third Industrial Master Plan (2006-2020)*. <http://www.miti.gov.my/index.php/pages/view/364>.
- Muhammad, M. A., Abu Bakar, E., & Ahmad, S. 2019. The challenges faced by halal certification authorities in managing the halal certification process in Malaysia. *Food Research*, 4(1), 170–178.

- Othman, B., Shaarani, S. M., & Bahron, A. 2016. The potential of ASEAN in halal certification implementation: A review. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities*, 24(1), 1–24. [http://www.pertanika.upm.edu.my/Pertanika PAPERS/JSSH Vol. 24 \(1\) Mar. 2016/01 JSSH-1279-2015 - Review Article.pdf](http://www.pertanika.upm.edu.my/Pertanika PAPERS/JSSH Vol. 24 (1) Mar. 2016/01 JSSH-1279-2015 - Review Article.pdf).
- Patton, M. 1990. *Qualitative Evaluation and Research Methods*. California: Sage Publications.
- Ramli, A., Mustafa, M., Ismail, M. A., & Ahmad Shakir, K. 2013. Perniagaan berpusat di rumah : kajian profil peribadi, keluarga dan perniagaan di kalangan usahawan di Daerah Kubang Pasu, Kedah. Dlm. *Conference on Business Management Research*, 531–541.
- RMKe-11. 2015. *Rancangan Malaysia Keselelas (Bab 8, Kertas Strategi 08,Kertas Strategi 18)*, Unit Perancang Ekonomi, <http://www.rmk11.epu.gov.my/index.php/bm/dokumen-rmke-11>.
- Salganik, M .J. & Douglas D. H. 2004. Sampling and estimation in hidden populations using respondent - driven sampling. *Journal Sociological Methodology*, 34(1), 193-239. <https://doi.org/10.1111/j.0081-1750.2004.00152>.
- Sinar Harian. 23 Disember 2014. JAKIM perlu mudahkan permohonan pengusaha PKS.
- Soraji, A. J., Awang, M. D., & Mohd Yusoff, A. N. 2017. Malaysia Halal trust: Between reality and challenges. *International E-Journal of Advances in Social Sciences*, 3(7), 197–204.
- Stanger, A. M. J. 1998. Home-based business marginality: A review of home-based business performance and its determinants. Paper presented at *International Council for Small Business Conference, Singapore*.
- Trochim, W. M. K. 2006. *The Qualitative Debate. Research Methods Knowledge Base*. <http://www.socialresearchmethods.net/kb/qualmeth.php>.
- Utusan Borneo. 14 April 2016. Wanita usahakan produc HBB berupaya tingkat taraf hidup.
- Yusuf, A. H., Abdul Shukor, S. & Ahmad Bustamam U. S. 2016. Halal certification vs business growth of food in Malaysia. *Journal of Economics, Business and Management*, 4(3), 247-251.
- Zainol, N. R., Al Mamun, A., Hassan, H., & Muniady, R. 2017. Examining the effectiveness of micro- enterprise development programs in. *Journal of International Studies*, 10(2), 292–308. <https://doi.org/10.14254/2071-8330.2017/10-2/20>.

Temu bual

Puan Siti Nawani binti Atan. Penolong Pegawai Teknologi Makanan, Bahagian Pengurusan Halal, Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM). 21 April 2020.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Fiqhiyyat tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.